



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
12 DISEMBER 2018 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - Cadang letak nama, gambar di taman | 33 |
| - Pupuk perpaduan masyarakat melalui program | 33 |

The Star

- | | |
|------------------------------------|----|
| - Victims recall horror of tragedy | 16 |
|------------------------------------|----|

Berita Harian

- | | |
|---|----|
| - Segera beri kuasa kepada PBT lupus kereta ditinggal | 17 |
|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
12 DISEMBER 2018 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Cadang letak nama, gambar di taman
Muka Surat	33

Cadang letak nama, gambar di taman

SH mls 33 12/12/18



Iain Gray (kanan) bersama Keng Fook melihat gambar mangsa yang terkorban dalam tragedi Highland Towers.

Tragedi Highland Towers tidak boleh dilupakan

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

Tragedi runtuh Highland Towers 25 tahun lalu yang disifatkan paling buruk dalam sejarah negara masih segar dalam ingatan penduduk kondominium itu.

Dr Iain Gray, 72, mengimbau semula kejadian tragis itu kerana beliau antara penduduk yang pertama tiba di tempat kejadian.

"Pada ketika itu saya sedang memandu pulang ke rumah dari bawah bukit, tiba-tiba saya terdengar bunyi dentuman kuat, saya ingat itu letupan kerja dari tapak pembinaan di puncak bukit, belakang Highland Towers.

"Apabila saya tiba ke perkarangan Highland Towers, saya terkejut apabila melihat salah sebuah bangunan telah runtuh, kemudian

kawasan itu dipenuhi debu dan penduduk berlari menyelamatkan diri," katanya.

Iain berkata, dalam kekalutan itu beliau segera mencari keluarganya yang tinggal di Tower 3.

"Saya berlari masuk untuk memeriksa keluarga saya dan apabila tahu mereka selamat, saya segera membantu orang lain sehingga pasukan mencari dan menyelamatkan tiba," katanya.

Justeru, Iain berharap pihak berkenaan dapat meletakkan nama mangsa pada setiap seksyen di taman rekreasi yang dijangka akan dibina kelak.

Cadangan itu katanya sebagai tanda peringatan kepada mangsa terkorban dalam tragedi Highland Towers.

"Nama dan gambar mangsa boleh diletakkan pada kerusi dan gazebo termasuk beberapa tempat yang sesuai supaya insiden ini tidak akan dilupakan," katanya.

Pada 11 Dis 1993, satu daripada tiga blok Kondominium Highland Towers di Taman Hillview, Ulu Klang runtuh dalam tragedi yang meragut 48 nyawa.

Saya terkejut apabila melihat salah sebuah bangunan telah runtuh, kemudian kawasan itu dipenuhi debu." - Iain

Berikutan itu, penghuni dua blok lain dipindahkan dan sejak itu bangunan berkenaan terbiar.

Sementara itu, Setiausaha Jawatankuasa Penduduk Menara Highland Towers Chan Keng Fook juga berharap tragedi itu tidak dilupakan.

"Mereka yang terkorban itu ibarat keluarga dan rakan kami, sehingga kini memori pahit ini masih dirasai.

"Saya berharap kejadian ini menjadi tauladan kepada kita semua, supaya kejadian sebegini tidak berulang pada masa hadapan," katanya.

Sebelum ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merancang pembinaan sebuah taman rekreasi di tapak Kondominium Highland Towers.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 12 DISEMBER 2018 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Pupuk perpaduan masyarakat melalui program
Muka Surat	33

Pupuk perpaduan masyarakat melalui program

PANDAN JAYA - Aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong dan sambutan perayaan mampu memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), K Thanabal berkata, aktiviti seperti itu membolehkan penduduk berinteraksi selain turut mengeratkan hubungan.

"Malah melalui program yang dijalankan dapat memberi manfaat kepada penduduk. Saya kagum melihat keharmonian yang terhasil daripada perpaduan antara kaum di kawasan ini," katanya.

Menurutnya, hasrat kerajaan juga mahu menyatupadukan masyarakat berbilang kaum.

"Saya akan sentiasa

SH m/s 33 12/12/18

memberi sokongan terhadap program membabitkan perpaduan bagi memupuk kerjasama antara penduduk.

"Kepelbagaian program dan aktiviti yang dijalankan juga mampu memperkukuhkan semangat kejiranan seterusnya mewujudkan komuniti harmoni, sejahtera dan muafakat dalam kalangan masyarakat," katanya.



Thanabal (lima kiri) bergambar bersama penduduk Pandan Jaya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 12 DISEMBER 2018 (RABU)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Victims recall horror of tragedy
Muka Surat	16



Painful recollection: Gray (right) and Chan looking at a poster of the victims during their visit to the Highland Towers site.

Victims recall horror of tragedy

TS 12/12/18
m/s 16

Ex-Highland Towers residents remember those who died 25 years ago

By **SHALINI RAVINDRAN**
shaliniravindran@thestar.com.my

AMPANG: It has been 25 years since the collapse of Highland Towers but the flashback to those years is still as vivid for many former residents.

"It was a very close-knit community. Everyone was very happy here," recalled former resident Dr Iain Gray, 72.

Living at Highland Towers was like being in a vertical kampung, said Gray, who was among those who turned up at the site yesterday with the original poster that was created six months after the tragedy to commemorate those who lost their lives.

On Dec 11, 1993, one of the three Highland Towers blocks collapsed, killing 48 in the nation's worst housing tragedy.

The earth had given way after 10 days of rainfall, which caused a landslide and toppled the block.

Residents of the other two blocks were evacuated.

An engineer by training, Gray had pitched in to help the survivors. He was part of the rescue team for the full 12 days.

When asked yesterday about the possibility that the site would be turned into a recreational park, Gray said it would be a way to honour those who died as well as give back to the community.

"The people of Taman Hillview opened their doors to all the rescuers and former residents. Their compounds became the rescue operation centres and even for triage

Another former resident Chan Keng Fook, 61, said there had been many good and not-so-positive stories that emerged in the aftermath of the tragedy.

"I remember it like it was yesterday," he said.

Chan, who was also the Highland Towers Residents Committee secretary, was referring to the rescue and subsequent death of Japanese national Shizue Nakajima, and 14-month-old Nur Hamidah Nadjib and her mother Umi Rashidah Khoruman who were both pulled out of the rubble and survived.

"A lot of people want to move on as it was a very painful experience. They want to put it behind them. Some remember, some want to forget," he said.

The former Tower Two resident said his family still remembered the moment Tower One fell.

"My wife, two children and my mother were on the balcony and saw the block topple. It was only when someone shouted 'run' that they ran out of the apartment," he said.

He said that the tragedy should not be written off and that similar mistakes must not be repeated.

The families of those who perished during the collapse of Tower One chose not to visit the site to mark its 25th anniversary yesterday.

In August, Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin said the site where the two towers currently stand would be turned into a recreational park after they were demolished as the area was not suitable



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 12 DISEMBER 2018 (RABU)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Segera beri kuasa kepada PBT lupus kereta ditinggal
Muka Surat	17

Segera beri kuasa kepada PBT lupus kereta ditinggal

BH
MIS 17
12/12/18

Kuala Lumpur: Pemberian kuasa kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk melupuskan kenderaan terbiar perlu disejajarkan, supaya masalah puluhan ribu kereta yang sekian lama tersadai di lot parkir seluruh negara ketika ini dapat diselesaikan.

Ini kerana isu kereta tersadai memenuhi petak parkir sama ada di tepi jalan, taman perumahan atau kawasan kejiranan, ibarat tiada penghujungnya sehingga menimbulkan kemarahan dan kesusahan penduduk akibat kekurangan tempat meletak kenderaan.

Tinjauan BH mendapati masalah kereta tersadai membelenggu hampir semua kejiranan khususnya penempatan yang padat dengan penduduk di sekitar Lembah Klang termasuk Sentul, Gombak dan Petaling Jaya.

Di sekitar Desa Petaling, di sini, contohnya tinjauan BH mendapati tidak kurang 20 kenderaan buruk dan rosak tersadai di sepanjang laluan utama dan ruang letak kenderaan di kawasan perumahan sekitarnya, malah ada yang sengaja ditinggalkan di lot parkir tertentu sebagai stor oleh peniaga untuk menyimpan barangan.

Bertahun ditinggalkan

Berdasarkan maklumat, ada yang sudah berbulan ditinggalkan, malah ada yang dikatakan sudah bertahun dibiarkan tersadai sehingga mengalami kerosakan, dipenuhi habuk atau menjadi mangsa perbuatan khianat seperti diconteng, dicuri komponen dan sebagainya.

Ada juga meletakkan notis 'untuk dijual' pada kereta yang ditinggalkan, sedangkan menurut penduduk memaklumkan kenderaan terbabit sudah lama terbiar di situ.

Seorang penduduk, Hairul Heary Md Salleh, 36, berkata penyelesaian terbaik adalah dengan melupuskan kenderaan terbengkalai ini, namun pada masa sama tiada jaminan keadaan ini tidak akan berterusan sekiranya mentaliti masyarakat tidak mahu berubah.

"PBT seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu memainkan peranan dan berpendapat saya 'tarik' saja kereta terbengkalai ini dan lupuskan," katanya.

Berdasarkan maklumat, lebih 60,000 kenderaan terbiar masih berdaftar di seluruh negara dan Menteri pengangkutan, Anthony Loke, berkata pindaan Rang Undang-undang (RUU) Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2018 di Dewan Rakyat akan memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk melupuskan kenderaan terbiar.



PBT seperti DBKL perlu memainkan peranan dan berpendapat saya 'tarik' saja kereta terbengkalai ini dan lupuskan"